



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA TELAH MENYELARAS SOP PEMBUKAAN RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM DALAM TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 1, FASA 2, DAN FASA 3 BAGI KEMUDAHAN PENERIMA VAKSIN LENGKAP

12 Ogos 2021, Putrajaya – Kementerian Perpaduan Negara telah menyelaras Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi **Pembukaan Rumah Ibadat Selain Islam dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN) bagi kemudahan penerima vaksin lengkap** selaras dengan pengumuman Kerajaan pada 8 Ogos 2021 berkenaan.

2. Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Halimah Mohamed Sadique menjelaskan bahawa penerima vaksin lengkap adalah merujuk kepada **penganut yang telah menerima vaksin lengkap** seperti berikut:

- i. Bagi jenis vaksin yang memerlukan dua (2) dos suntikan (pfizer, AstraZeneca dan Sinovac) penganut berkenaan mestilah telah melepasi 14 hari dari tarikh suntikan dos kedua; dan
- ii. Bagi jenis vaksin yang hanya memerlukan satu (1) dos suntikan (Johnson & Johnson dan CanSino), penganut berkenaan mestilah telah melepasi 28 hari dari tarikh suntikan.

3. Antara syarat-syarat nyata dalam SOP bagi **Pembukaan Rumah Ibadat Selain Islam Dalam Tempoh PPN Bagi Penganut Yang Telah Menerima Vaksin Lengkap** adalah seperti berikut:

SOP dalam PPN Fasa 1 bagi penganut yang telah menerima vaksin lengkap

- a) Aktiviti keagamaan / sembahyang di Rumah Ibadat dibenarkan **terhad kepada 50 orang** pada satu-satu masa.
- b) Waktu beroperasi dibenarkan:
 - i. Jam 6.00 pagi - 2.00 petang
 - ii. Jam 4.00 petang - 10.00 malam

SOP dalam PPN Fasa 2 bagi penganut yang telah menerima vaksin lengkap

- a) Aktiviti keagamaan / sembahyang di Rumah Ibadat dibenarkan **terhad kepada 50 orang** pada satu-satu masa.

- b) Waktu beroperasi dibenarkan:
 - i. Jam 6.00 pagi - 2.00 petang
 - ii. Jam 4.00 petang - 10.00 malam

SOP dalam PPN Fasa 3 bagi penganut yang telah menerima vaksin lengkap

- a) Aktiviti keagamaan / sembahyang di Rumah Ibadat dibenarkan dengan **had kehadiran tertakluk kepada saiz ruang sembahyang rumah ibadat**

- b) Waktu beroperasi dibenarkan:
 - i. Jam 6.00 pagi - 2.00 petang
 - ii. Jam 4.00 petang - 10.00 malam

4. YB Menteri Perpaduan juga mengingatkan semua rakyat Malaysia untuk sentiasa menjaga kebersihan diri, memakai pelitup muka dan memastikan penjarakan fizikal dalam usaha kita memutuskan rantaian COVID-19 di Malaysia.

Kementerian Perpaduan Negara

12 Ogos 2021

-TAMAT-

Pertanyaan media:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 / 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (79)